



**UCAPAN PERASMIAN  
SEMPENA  
MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC)  
JKR MALAYSIA  
TAHUN 2017  
MENTERI KERJA RAYA  
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

---

**22 MEI 2017 (ISNIN)  
KUANTAN, PAHANG**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

## SALUTASI



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Malaysia,

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji milik Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam. Bersyukur kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang masa sekali lagi untuk bersama-sama berhimpun sempena Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia bagi tahun 2017. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana sudi mengundang saya seterusnya menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini. Sesungguhnya saya berbesar hati dapat berjumpa dengan warga JKR sekalian dan berharap dengan pelaksanaan program sebegini, kita mampu menggapai misi dan visi Kementerian Kerja Raya (KKR), dan seterusnya memacu jabatan dan agensi di bawah KKR ke peringkat yang lebih tinggi dan unggul pada masa hadapan, Inshaa Allah.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ketiga-tiga mantan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya yang telah bersara, iaitu TKPKR Sektor Infra, YBhg. Dato' Ir. Dr. Haji Hasnul bin Mohamad Salleh, TKPKR Sektor Bangunan, YBhg. Ar. Dato' Sri Dr. Amer Hamzah bin Mohd Yunus dan TKPKR Sektor Pakar, YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Fazli

bin Osman di atas segala sumbangan bakti dan komitmen besar mereka sepanjang mencerahkan keringat dan khidmat di JKR. Saya percaya dan yakin ketiga-tiga mantan TKPKR akan terus menyumbang pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang ada pada mereka demi agenda pembangunan negara. Pada masa yang sama juga saya mengucapkan tahniah kepada ketiga-tiga TKP yang baru dilantik iaitu masing-masing;

- (i) YBhg. Dato' Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman – TKP Infra
- (ii) YBrs. Encik Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid –  
TKP Bangunan
- (iii) YBrs. Sr. Ratna binti Haji Mahyuddin – TKP Pakar

3. Saya difahamkan bahawa mesyuarat ini bermula pada hari ini sehingga 24 Mei 2017 dan dihadiri seramai 400 orang pegawai kanan JKR yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah dan Pegawai-Pegawai Kader dari seluruh negara. Semoga mesyuarat ini berlangsung dengan jayanya dan membawa hasil sepertimana yang dikehendaki, seterusnya dapat menyumbang kepada negara khususnya kepada Jabatan Kerja Raya sendiri.

YBhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

## **2017-TAHUN PENYAMPAIAN**

4. Pemilihan tema Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya (SOC), 2017, "Together We Deliver" adalah bertepatan dan seajar dengan Program Transformasi Negara (GTP) dan saranan YAB Perdana Menteri yang menetapkan Tahun 2017 sebagai "Tahun Penyampaian". Sistem penyampaian termasuk dalam lima (5) Daya Tahan Negara iaitu; keharmonian negara, penyatuan negara, semangat patriotisme, sistem penyampaian dan produktiviti penjawat awam. Kunci utamanya adalah delivery atau penyampaian, di mana segala projek, program dan perkhidmatan yang telah dirancang mesti disiapkan demi kesejahteraan, kebajikan

serta keselesaan rakyat dengan penggunaan kos yang optimum dan kualiti yang menepati spesifikasi.

5. Sebagai penjawat awam yang mempunyai pengalaman dan kepakaran teknikal, warga JKR sewajarnya menggunakan sebaik mungkin kompetensi dan kemampuan tersebut dalam menyampaikan agenda pembinaan negara. JKR sememangnya sinonim dengan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur negara di mata umum. Justeru itu, dalam usaha menterjemahkan perkhidmatan terbaik, mentaliti bekerja 'in silo' harus dihindarkan dari budaya kerja warga JKR. Bekerjalah 'bagai aur dengan tebing' untuk memastikan keberhasilan penyampaian bukan sahaja dari sudut fizikal, bahkan penyampaian dari segi nilai kepada rakyat.

## **PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2016 DAN 2017**

6. Alhamdulillah, ketika ini kita telah melangkau suku tahun pertama dengan cemerlang dan bakal menghampiri suku tahun kedua bagi tahun 2017. Suka saya berkongsi di sini, atas komitmen semua pihak, ia membawa kejayaan kepada pencapaian skor 112% bagi KPI saya untuk tahun 2016 dan dikategorikan sebagai mencapai sasaran. Pada tahun ini, KPI yang telah ditetapkan adalah berjumlah 9 KPI meliputi pencapaian di bawah *Ministerial Key Result Area (MKRA)* dan *National Key Economics Area (NKEA)*. Saya percaya pimpinan atasan JKR telah merangka dan menetapkan sasaran KPI JKR selari dengan KPI Kementerian.

7. JKR merupakan jabatan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan infrastruktur dan pembangunan negara, justeru itu, setiap perkhidmatan dan program yang dilaksanakan harus selari dengan peranan kita demi mendokong aspirasi kerajaan serta berusaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan. Saya menyeru semua jabatan / agensi di bawah Kementerian Kerja Raya agar dapat mencapai sasaran KPI sepertimana perancangan di awal tahun. Ini penting dalam usaha

mempertingkatkan momentum jabatan dan kementerian agar lancar dan bersepada dalam menyampaikan segala yang telah dirancang.

8. Penyampaian berkait rapat dengan produktiviti dengan erti kata lain, keberhasilan kerja. Tiga (3) definisi produktiviti iaitu ;

- (i) hasil kerja yang sama tetapi dengan kos yang lebih rendah
- (ii) hasil kerja bertambah dengan kos yang sama
- (iii) hasil kerja bertambah dengan kos yang berkurangan.

Ketiga-tiga kriteria tersebut boleh dijadikan *guideline* kepada pelaksanaan KPI 2017 demi memastikan 9 KPI Menteri Kerja Raya yang merangkumi MKRA dan NKEA mencapai sasaran dan memenuhi hasrat negara dalam menguruskan bajet dengan efisien.

9. Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia kerana berjaya mengekalkan pengiktirafan lima bintang (99.20%) untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS bagi tahun 2016 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Syabas kepada JKR.

YBhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

## **PROJEK BERKEUTAMAAN DALAM RMKE-11**

10. Selaras dengan Teras Strategik Ke-5 RMKe-11, Memperkuuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi, beberapa projek berimpak tinggi akan diteruskan pelaksanaannya iaitu:

- a) Lebuh Raya Pan Borneo
- b) Central Spine Road
- c) Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai
- d) Lebuhraya Pantai Barat (WCE)

e) Rangkaian Jalan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) Johor.

11. Bagi melaksanakan projek-projek yang dirancangkan ini, Kerajaan telah memperuntukkan di bawah Bajet Pembangunan bagi Rolling Plan 2 (RP2) RMKe-11 untuk tahun 2017-2018, sebanyak RM4.896 bilion yang terdiri daripada:

- 21 projek baru dengan kos keseluruhan bernilai RM4.009 bilion dengan peruntukan (*cashflow*) bagi tahun 2017 sebanyak RM0.171 bilion; dan
- 179 projek sambungan dengan kos keseluruhan bernilai RM29.920 bilion dengan peruntukan (*cashflow*) bagi tahun 2017 sebanyak RM4.725 bilion termasuk RM2.010 bilion untuk pinjaman mudah Kerajaan (GSL).

12. Kesemua projek yang saya nyatakan tadi dilaksanakan dalam RMKe-11 mengikut keutamaan, berdasarkan projek janji Pilihan Raya (Walkabout), Highway Network Development Plan (HNDP) dan keutamaan Kerajaan Negeri melalui ‘engagement’ bersama Pentadbiran Kerajaan Negeri.

YBhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

## **CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION PROGRAMME (CITP)**

13. Construction Industry Transformation Programme atau CITP merupakan rancangan komprehensif yang mentransformasikan industri pembinaan bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2020. Program ini dilaksanakan menerusi 20 inisiatif CITP yang berlandaskan kepada 4 komponen teras strategik iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan.

14. Pelaksanaan CITP bagi tahun 2016 yakni tahun pertama pelaksanaan, secara keseluruhannya telah berjaya mencapai sasaran utama yang ditetapkan dan

telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Keseluruhannya 96 KPI yang ditetapkan dalam CITP, 62 daripada KPI tersebut telah mencapai lebih daripada 90%, 25 KPI telah mencapai 61% sehingga 85% dan 9 KPI lagi kurang daripada 60%. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya. Syabas juga saya dedikasikan kepada JKR kerana berjaya melaksanakan 3 projek rintis dengan mengimplementasi *Sustainable Specification*. Tiga (3) projek tersebut adalah Universiti Utara Malaysia (UUM), Kampus Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM).

15. Merujuk kepada *trend* yang dikenalpasti di bawah program Transformasi Nasional 2050 (TN50), akan muncul bandar-bandar dengan kapasiti penduduk melebihi 10 juta. Kesan urbanisasi itu menyebabkan berlakunya tekanan kepada perumahan dan kesesakan lalu lintas yang pastinya memerlukan jaringan jalan raya yang lebih efisien dan kondusif. Selain itu, peningkatan dalam sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan mapan perlu giat diusahakan berikutkan harga yang tidak menentu dan potensi akan berlaku kekurangan pada masa hadapan. Justeru itu, menjadi kewajipan kepada kita untuk memperbanyakkan penjanaan kuasa menggunakan sumber boleh diperbaharui. Amalan bangunan mesra alam dan mapan diwajibkan bagi semua organisasi awam dan swasta.

YBhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

#### **PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (CREaTE)**

16. Seperti yang kita sedia maklum, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Dan Teknologi, Jabatan Kerja Raya (JKR) atau CREaTE, telah mula beroperasi pada 1 September 2016. Penubuhan dan pengoperasiannya adalah bertepatan dengan aspirasi Jabatan Kerja Raya untuk menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia dan pembangunan modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini

selari dengan hasrat kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) di samping untuk memantapkan modal insan dengan mengukuhkan dan memperbanyakkan Subject Matter Experts (SME) supaya terus kekal relevan. Pelaksanaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) amat penting untuk merintis jalan kecemerlangan, membudayakan inovasi dan kreativiti dan seterusnya akan menerajui bidang kejuruteraan dan teknologi. R&D akan merancakkan kemampuan dalam pengurusan pembangunan infrastruktur dan menjalankan pengujian dan akreditasi sebagai pembudayaan NBOS dengan agensi berkenaan.

17. Dalam usaha membudayakan inovasi di JKR, sehingga kini terdapat 9 projek penyelidikan sedang dilaksanakan, manakala 13 projek penyelidikan pula telah diluluskan dan di peringkat penyediaan MoU. JKR juga sedang giat melaksanakan usaha untuk mempromosikan CREaTE kepada rakan kongsi strategik di dalam bidang kompetensi, penyelidikan serta inovasi, serta institusi pengajian tinggi, institusi-institusi penyelidikan dan agensi-agensi lain.

18. Selaras dengan visi CREaTE, program pensijilan yang bertaraf nasional dan antarabangsa telah bermula dengan perancangan untuk menjalankan pensijilan pengurus pengetahuan bertauliah dengan International Knowledge Management Institute, United States. Impaknya, CREaTE secara dasarnya bakal menjadi *centre for the certification* di Malaysia dan negara-negara serantau Asia Tenggara.

YBhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

## **PENUTUP**

19. Sebagai penutup bicara pada pagi ini, saya berharap agar semua warga kerja Jabatan Kerja Raya dapat meningkatkan rentak kecemerlangan prestasi kerja dalam meneruskan kesinambungan perkhidmatan serta tadbir urus yang

berkesan kepada stakeholders dan pelanggan jabatan. Marilah kita saling merapatkan saf dan saling mendokong usaha menyampaikan aspirasi negara.

20. Justeru, usaha-usaha memperkasakan organisasi kita perlu diperkuatkan agar kita terus mampu memainkan peranan sebagai agensi teknikal utama negara serta menyokong kerajaan dalam mempertingkatkan produktiviti penyampaian perkhidmatan yang lebih jitu untuk rakyat dan mengukuhkan imej sektor awam. Memetik kata-kata YAB Perdana Menteri yakni “Saya percaya jika mindset kita ke arah delivery, kita boleh dan akan pastinya menjadikan tahun 2017 ini sebagai tahun yang berjaya. Oleh itu, saya mendoakan agar Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Tahun 2017 ini berjalan dengan lancar bagi mencapai matlamat dan diberkati Allah Subhanahu Wa Taala.

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun dari saya;

*Logam dan gangsa senang didapati,  
Dijadikan dulang untuk hantaran,  
Slogan kemerdekaan sentiasa dihayati,  
Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan.*

Dengan lafaz Bismillahhirrahmanhirrahim saya merasmikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan JKR bagi tahun 2017.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.